

Kempen perlu lebih kreatif, guna platform media sosial

Calon kena manfaat media baharu pikat pengundi

Oleh Rafidah Mai Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka perlu lebih kreatif dan menggunakan lebih banyak platform media sosial serta media baharu dalam menyampaikan bahan kempen kepada pengundi.

Felo Penyelidik Kanan Universiti Utara Malaysia (UUM) kampus Kuala Lumpur, Prof Madya Dr Baharudin Aziz, berkata berdasarkan kajian dijalankan selama dua bulan pada Mei dan Jun lalu, beliau mendapati penggunaan media sosial seperti Facebook serta WhatsApp dalam kalangan penduduk di Melaka khususnya berusia 50 tahun ke bawah adalah tinggi.

Susulan itu, beliau berkata, kelebihan itu wajar digunakan bagi membantu kempen calon bakal bertanding pada PRN Melaka 20 November nanti.

“Jadi, parti politik digalakkan mengembleng media sosial dengan sepenuhnya dan berkesan menjelang PRN Melaka. Mereka

perlu kreatif dan tidak terus berada di takuk lama dalam soal berkempen untuk PRN kali ini.

“Perhimpunan besar-besaran tidak digalakkan, sebaliknya lebih baik calon dan jenteranya mengembleng media sosial sepenuhnya kerana kini orang muda juga boleh membantu menunjukkan klip video kempen kepada masyarakat lebih tua.

“Berikutan itu, tidak perlu jentera dan pemimpin besar parti dari luar Melaka turun berkempen, sekadar jentera dalam negeri saja menjalankan usaha itu kerana pengundi sudah mengenali siapa calon mereka,” katanya kepada BH.

Beliau berkata, biarpun pemimpin politik mungkin menamatkan mereka boleh mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, namun agak sukar untuk mengawal pergerakan dan penjarakan dalam perhimpunan besar-besaran seperti dalam kempen pilihan raya sebelum ini.

Katanya, ketika ini pun sudah ada pergerakan politik tempatan di Melaka yang menggunakan saluran media sosial untuk menyampaikan visi dan perjuangan parti masing-masing seperti hangtuahjaya.com dan melakabangkitsemula.com.

“Jika calon dan parti politik mahu menjalankan program risik khabar pengundi sekali pun, rombongannya tidak boleh terlalu besar, dihadkan kepada

Perhimpunan besar-besaran tidak digalakkan, sebaliknya lebih baik calon dan jenteranya mengembleng media sosial sepenuhnya kerana kini orang muda juga boleh membantu menunjukkan klip video kempen kepada masyarakat lebih tua

Baharudin Aziz,
Felo Penyelidik Kanan UUM



enam orang saja dengan pematuan SOP ketat.

“Apabila bertemu pengundi, mereka tidak boleh bersalaman atau bersentuhan, selain penjarakan 1.5 meter dan semua sudah lengkap divaksinasi.

“Pengundi yang dikunjungi juga perlu mengubah minda dengan tidak bersentuhan dan menjaga jarak,” katanya.

Selain itu, Baharudin mengesyorkan pemimpin utama parti luar dari Melaka membuat klip video kempen yang boleh ditayangkan kepada pengundi atau dikongsikan melalui media sosial, dalam usaha mengurangkan pergerakan dari luar negeri itu.

Sementara itu, penganalisis politik, Prof Dr Sivamurugan Pandian dari Universiti Sains Malaysia (USM) berkata, lebih elok

jika jentera dari luar dilarang masuk berkempen di Melaka sepanjang tempoh berkenaan supaya tidak wujud gerakan besar-besaran seperti sering dilihat pada PRN dan Pilihan Raya Kecil (PRK) sebelum ini.

Beliau berkata, parti dan calon pilihan raya juga harus memikul tanggungjawab bersama dan bukannya sekadar melepaskannya kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) semata-mata.

“Kempen secara besar-besaran tidak boleh dilaksanakan seperti ceramah bagi memastikan jangka-tan tidak merebak. Kempen juga perlu berbeza mengikut zon-jangkitan iaitu tidak dibenarkan jika di zon merah, manakala edaran risalah dan maklumat calon dibuat di zon hijau dengan pematuan SOP ketat,” katanya.